



## Lupus barangan tiruan RM1.297j

**MUHAMAD Zikril Azan** (dua dari kanan) bersama pegawainya menunjukkan barangan tiruan yang dirampas.

**Shah Alam:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor melupuskan pelbagai barangan tiruan bernilai RM1.297 juta membabitkan 107 kes yang selesai dijatuhi hukuman.

Jumlah berkenaan direkodkan bermula Januari hingga Julai tahun ini dan ia akan bertambah mengikut siri pelupusan setiap bulan.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, antara yang dilupuskan ialah beg tangan wanita pelbagai jenama, pakaian, jam tangan, alat ganti kenderaan serta produk ke-

sihatan.

“Siri ketujuh pelupusan hari ini (semalam) membabitkan barangan tiruan bernilai RM188,664 daripada 19 kes.

“Semua kes ini sudah selesai menjalani proses di mahkamah dan mendapat kebenaran untuk dilupuskan daripada mahkamah atau pengawal akta berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Stor Penyimpanan Ekshibit KPDNHEP Selangor, di sini, semalam.

Muhammad Zikril Azan berkata, semua barangan tiruan terbabit adalah kes rampasan yang membabitkan pelanggaran Akta

Kawalan Bekalan 1961; Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Hak Cipta 1987, Akta Perlindungan Penggunaan 1999 serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

“Modus operandi pemasaran barangan tiruan ini pelbagai, antaranya menerusi dalam talian atau di premis terbuka dan ia dijual pada harga lebih rendah daripada barangan tulen.

“Sehubungan itu, KPDNHEP memberi amaran kepada mana-mana peniaga supaya tidak terbabit menjual barangan tiruan bagi mengelakkan tindakan tegas dikenakan,” katanya.